





BUMBUNG rumah turut dijadikan tempat menyelamatkan diri sementara menunggu bantuan tiba.



Taufan Koppu banjirir Filipina



RAKAMAN imej Taufan Koppu yang merupakan taufan kedua terburuk melanda Filipina.

Taufan Koppu

Hujan lebat menyebabkan kawasan pertanian dan pergunungan di Luzon, Filipina mengalami banjir



Koppu, taufan kedua terkuat selepas Haiyan menyebabkan sebahagian kawasan di Manila ditenggelami air manakala lebih 58 orang lagi terkorban.

205 M0
25/10/15
m/s 16

“**S**AYA terkejut apabila melihat air melimpah masuk ke dalam rumah dengan begitu cepat sekali. Ini merupakan kali kedua air masuk ke dalam kawasan rumah kami minggu ini. Ketika kejadian, saya sedang tidur di atas meja yang dijadikan sebagai katil sepanjang bencana ini berlaku,” kata Jeffrey de la Torre, 32.

Tambah Jeffrey, lebih menyedihkan apabila dia sendiri menjadi saksi melihat lebih 300 buah kediaman di kampungnya musnah ditenggelami air akibat Taufan Koppu.

“Kami sengsara. Saya tidak dapat tidur dengan lena kerana air naik begitu cepat.

“Jika tertidur, tidak mungkin kami akan tersedar apabila air masuk ke dalam rumah dan potensi kami untuk mati lemas adalah tinggi,” ujarnya.

Menurut lelaki yang bekerja sebagai petani itu, sepanjang tempoh tersebut, dia tidak lagi bercucuk tanam memandangkan sawah padi

LEBIH 60,170 keluarga dan 290,797 individu terlibat dalam Taufan Koppu.



yang menjadi sumber rezekinya kini musnah ditenggelami air.

“Saya hanya mengharapkan stok beras yang tersimpan mencukupi.

“Selepas ini saya mungkin terpaksa mengemis meminta bekalan makanan daripada rakan-rakan untuk diberikan kepada anak dan isteri,” jelasnya.

Taufan Haiyan

Dalam pada itu, menurut Andres Subang, 72, Taufan Koppu disifatkan sebagai taufan yang terburuk pernah dialaminya sepanjang hayatnya.

“Kami terkejut dan berdoa sambil menyelamatkan diri bersembunyi di bawah meja apabila angin kencang menerbangkan bumbung dan dinding kediaman kami.

“Sepanjang 72 tahun saya hidup, saya dapat menyimpulkan bahawa ini merupakan taufan terburuk. Sudahlah rumah musnah ditenggelami air, bekalan makanan untuk meneruskan kehidupan semuanya rosak atau hanyut,” ujarnya.

Banjir yang memecah bumbung kediaman di daerah Manila menyebabkan seluruh kawasan pertanian yang luas di utara Filipina tenggelam apabila hujan lebat yang dibawa oleh Taufan Koppu atau turut dikenali sebagai Taufan Lando turun tanpa henti-henti.

Banjir akibat Taufan Koppu yang berlaku sejak Ahad lalu itu bertambah buruk apabila ia dilaporkan mengorbankan puluhan nyawa selain memusnahkan tempat tinggal penduduk.

Difahamkan, taufan itu pada mulanya melanda kawasan perairan dan pertanian masyarakat di pantai timur Luzon dengan kelajuan angin kira-kira 210 kilometer sejam (km/j). Ia merupakan ribut kedua terbesar di Filipina sepanjang tahun ini.